

**'Biar pihak berkuasa siasat isu 1MDB' - Hishammuddin
Astro Awani
Julai 08, 2015
Oleh Norsiah Mohd Ramli**

KUALA LUMPUR: Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammudin Tun Hussein menggesa semua pihak tidak memperbesarkan isu tuduhan *Wall Street Journal (WSJ)* terhadap perdana menteri Datuk Seri Najib Razak dan menyerahkan kepada pasukan petugas khas untuk melakukan siasatan.

Beliau, yang juga Naib Presiden UMNO, yakin isu ini dapat diselesaikan dengan segera kerana pasukan itu dianggotai kalangan individu yang berkaliber.

"Jawatankuasa petugas khas telah pun diwujudkan dan dianggotai Peguam Negara, Gabenor Bank Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah SPRM. Bukan calang-calang orang.

"Jadi saya harap dengan siasatan yang dibuat jawatankuasa khas ini, orang ramai bertenang dan biarkan mereka jalankan tugas dan siasatan mereka.

"Akhirnya yang benar tetap benar," kata Hishammuddin.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis berbuka puasa bersama warga Kementerian Pertahanan di bangunan kementerian itu di sini pada Rabu.

Pada masa sama, beliau juga yakin wujudnya dalang di sebalik isu ini.

Ahli Parlimen Sembrong itu meminta supaya orang ramai tidak terpengaruh dengan tuduhan yang tiada asas dan bukti yang kukuh ini.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/biar-pihak-berkuasa-siasat-isu-1mdb-hishammuddin-65182>